

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD

KAWASAN : SHAH ALAM

TARIKH : 10 JUN 2014, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status cadangan kenaikan kadar tol bagi semua lebuh raya di Malaysia buat masa ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya bersama-sama dengan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM), Kementerian Kewangan dan Jabatan Peguam Negara sedang membuat kajian yang menyeluruh berhubung isu-isu berkaitan konsesi tol lebuh raya sedia ada di negara ini.

Kajian ini telah memperincikan beberapa cadangan tol yang bersesuaian seperti penstrukturran semula kadar tol dengan mengambil kira kos operasi, kos penyelenggaraan, jumlah trafik, keuntungan atau kerugian syarikat-syarikat konsesi terbabit. Ia turut melibatkan cadangan pindaan terhadap terma-terma perjanjian konsesi sedia ada di mana ini memerlukan persetujuan kedua-dua pihak, iaitu Kerajaan dan pihak konsesi.

Sehubungan itu, pada masa kini beberapa siri rundingan telah dan sedang diadakan dengan syarikat-syarikat konsesi lebuh raya berkaitan. Rundingan tersebut bertujuan untuk mencari kaedah penyelesaian jangka pendek, sederhana dan jangka panjang berkaitan isu tol. Prinsip utama rundingan tersebut ialah berasaskan situasi ‘menang-menang’ kepada semua pihak, iaitu Kerajaan, rakyat, syarikat konsesi, pelabur dan pemberi pinjaman.

Sekian. Terima kasih.